



## MEMO

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**RUJUKAN** : CIAST 100-1/7/1( 24 )

**TARIKH** : 9 Julai 2013

<b>PERKARA</b> : ARAHAN PENGURUSAN BIL. 11 TAHUN 2013 PROSEDUR TEMPAHAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN CIAST MELALUI 1MTC	
<b>DARIPADA</b> : PENGARAH CIAST	<b>SALINAN</b> : KP JPK
<b>KEPADA</b> : SEMUA KAKITANGAN CIAST	
<b>MELALUI</b> : TP DAN SEMUA KETUA PROGRAM/BAHAGIAN	

### 1. TUJUAN

Memaklumkan pelaksanaan prosedur tempahan penggunaan kemudahan CIAST melalui *Portal 1Malaysia Training Centre (1MTC)*.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar sewaan kemudahan CIAST telah disemak semula melalui surat Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bil: JPPH:BOT 175/10/008/41/019/CIAST bertarikh 19 April 2013. Senarai kadar baru seperti di **lampiran A**.
- 2.2 Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan surat berkaitan penyeragaman kadar sewa untuk institusi-institusi latihan awam di Malaysia bil: KK/NSCU 10/681/22 (10) bertarikh 18 Mac 2013. Surat seperti di **lampiran B**.
- 2.3 Mesyuarat *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha Negara pada 28 Oktober 2012 telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif baru di bawah NBOS 7 iaitu 1MTC.
- 2.4 Oleh yang demikian, penyelarasan semula prosedur sewaan kemudahan CIAST perlu dilaksanakan.

### 3. ARAHAN

#### 3.1 Tempahan Kemudahan CIAST Melalui 1MTC

Semua tempahan kemudahan CIAST seperti senarai di bawah hendaklah dibuat melalui aplikasi 1MTC:

- i. Dewan Utama
- ii. Auditorium
- iii. Bilik Kuliah 11 dan 12
- iv. Konkos A dan B
- v. Penginapan Asrama
- vi. Gelanggang Sukan
- vii. Bilik Seminar
- viii. Bilik Mesyuarat
- ix. Makmal Komputer
- x. Bengkel

### 3.2 Panduan Penggunaan Laman Sesawang 1MTC

- a. Pengguna boleh ke Laman Sesawang CIAST <http://www.ciaast.gov.my> atau <http://www.1mtc.gov.my> untuk membuat tempahan kemudahan di CIAST. Pengguna digalakkan menggunakan browser Internet Explorer (IE) atau Google Chrome dan panduan adalah seperti berikut:
  - i. Masuk ke Laman Sesawang CIAST <http://www.ciaast.gov.my> atau <http://www.1mtc.gov.my>;
  - ii. Klik pada banner 1MTC di Laman Sesawang CIAST atau Laman Sesawang 1 MTC <http://www.1mtc.gov.my>;
  - iii. Klik pada Log Masuk di Laman Sesawang 1MTC;
  - iv. Sekiranya browser memerlukan instalasi plug-in Java, klik pada pop-up dan ikut arahan seterusnya;
  - v. Daftar Akaun Pengguna;
  - vi. Log masuk emel yang didaftar untuk pengaktifan ID pengguna;
  - vii. Log masuk kembali dengan menggunakan ID pengguna yang telah didaftarkan di Laman Sesawang 1MTC untuk tempahan kemudahan yang disediakan; dan
  - viii. Status permohonan akan disalurkan melalui emel.
- b. Sekiranya pengguna memerlukan bantuan, pengguna boleh ke menu Bantuan di Laman Sesawang 1MTC.

### 3.3 Kadar Sewaan Kemudahan CIAST

- a. Kadar sewa dikenakan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta seperti di lampiran A berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013.

- b. Selaras dengan Surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bil: KK/NSCU 10/681/22 (10) bertarikh 18 Mac 2013 seperti di lampiran B, maka kadar baru sewa yang dikenakan kepada agensi swasta, persendirian dan NGO adalah dengan diskaun 50%.
- c. Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun tidak dikenakan sebarang bayaran bagi penggunaan kemudahan berkenaan.

#### **4. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan prosedur tempahan kemudahan melalui 1MTC hendaklah dirujuk kepada Unit Kemudahan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan **Unit Infrastruktur Sistem, Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM)**.

#### **5. TARIKH KUAT KUASA**

Arahan Pengurusan ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan peraturan di atas dipatuhi sepenuhnya.  
Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'Pekerja Pemangkin Transformasi Negara'**



**(GHAZLAN BIN GHAZALI)**

## LAMPIRAN A

## KADAR SEWA KEMUDAHAN DI CIAST

Bil	Maklumat Kemudahan	Kadar Sewa	Catatan
1.	Auditorium	RM 150 / jam	OT petugas RM25 sejam jika berkaitan
2.	Dewan Besar	RM 150 /jam	OT petugas RM10 sejam jika berkaitan
3.	Bilik Kuliah 11 dan 12	RM 30/ jam	OT petugas RM10 sejam jika berkaitan
4.	Bilik Bijaksana	RM 60/ jam	OT petugas RM10 sejam jika berkaitan
5.	Bilik Terbilang	RM 30/ jam	OT petugas RM10 sejam jika berkaitan
6.	Bilik Gemilang	RM 40/ jam	OT petugas RM10 sejam jika berkaitan
7.	Konkosa	RM 50/ jam	OT petugas RM10 sejam jika berkaitan
8.	KonkosB	RM 50/ jam	OT petugas RM10 sejam jika berkaitan
9.	Makmal Komputer 1	RM 250/ jam	40 orang
10.	Makmal Komputer 3	RM 100/ jam	20 orang
11.	Makmal Komputer 4	RM 100/ jam	20 orang
12.	Makmal Komputer Rangkaian	RM 100/ jam	20 orang
13.	Makmal Komputer Sistem	RM 100/ jam	20 orang
14.	Makmal Komputer Penyelenggaraan	RM 100/ jam	20 orang
15.	Makmal Komputer Media	RM 100/ jam	15 orang

16.	Bilik VIP (Executive-Queen)	RM 100/ hari	
17.	Bilik VIP (Executive-Single)	RM 80 /unit	
13.	Kuarters (Flat)	RM 900/bulan	Dengan Perabut
14.	Kuarters (Flat)	RM 600 /bulan	Tanpa Perabut
15.	Asrama (2 katil)	RM 30/ hari	Berhawa dingin
16.	Asrama (2 katil)	RM 20/ hari	
17.	Asrama Peserta Kursus CIAST	RM 10/ hari	
18.	Asrama Peserta Kursus CIAST	RM 10/ hari	Bilik gunasama di luar
19.	Gelanggang Takraw	RM 10/ jam (siang) RM15/jam (mlm)	
20.	Gelanggang Badminton (Indoor)	RM 20/ jam (siang) RM25/jam (mlm)	
21.	Gelanggang Putsal	RM 20/ jam	
22.	Gelanggang Tennis A & B	RM 10/ jam (siang) RM15/jam (mlm)	



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**  
(Secretary General of Treasury)

No.5, Persiaran Perdana LAMPARAN B  
Presint 2  
**62592 PUTRAJAYA**  
Tel: : 03-88823333  
Telefaks : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242  
Laman Web : www.treasury.gov.my

KK/NSCU 10/681/22( 10 )

18 Mac 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### **PENYERAGAMAN KADAR SEWA KEMUDAHAN UNTUK INSTITUSI-INSTITUSI LATIHAN AWAM DI MALAYSIA**

Sukacita saya menarik perhatian Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, mengenai perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, Kerajaan telah melancarkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*- NBOS) yang merupakan satu platform di mana inisiatif-inisiatif berimpak tinggi dengan kos yang optimum dilaksanakan. Di bawah Inisiatif **NBOS 7: 1Malaysia Training Centre**, Kerajaan bersetuju agar semua Institusi Latihan Awam (ILA) berkongsi prasarana dan kemudahan latihan. Mesyuarat NBOS pada 7 Mac 2013 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah memutuskan supaya:

- i) semua ILA tidak mengenakan bayaran kepada agensi kerajaan dan badan berkanun yang ingin menggunakan kemudahan mereka. Takrifan kemudahan adalah seperti Lampiran A; dan
- ii) agensi swasta yang berminat untuk menggunakan perkhidmatan di ILA dikenakan kadar sewa 50% daripada kadar pasaran semasa seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.


3. Bagi ILA yang telah mewartakan kadar sewa di bawah Akta Fi 1951 atau mana-mana Akta lain, adalah menjadi tanggung jawab agensi induk bagi ILA tersebut mengambil tindakan untuk mewartakan kadar baru sebagaimana yang diperlukan di bawah akta-akta tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon supaya menyeragamkan kadar sewa di institusi/agensi masing-masing berkuat kuasa mulai **18 Mac 2013**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SRI DR. IRWAN SERIGAR ABDULLAH)  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan



: **Ketua Setiausaha Negara**

**Takrifan Kemudahan Yang Boleh Disewa Di Institusi Latihan Awam**

1. Bilik Mesyuarat
2. Bilik Kuliah
3. Bilik Seminar
4. Makmal Komputer
5. Bengkel
6. Dewan
7. Auditorium
8. Kemudahan Sukan dan Rekreasi
9. Penginapan
10. Peralatan Komputer
11. Peralatan Audio Visual
12. Kenderaan
13. Kerusi/Meja